

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Campur tangan British secara langsung bermula dengan termeterainya Perjanjian Pangkor _____ tahun 1874 antara British dengan Sultan Perak.
A di C dari
B pada D kepada
- 2 Para tetamu yang hadir ke majlis persandingan anak ketua kampung dijemput _____ air mawar kepada pasangan mempelai tersebut.
A menabur C merenjis
B menjirus D menyiram

Soalan 3

Ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Pendudukan Jepun di Tanah Melayu selama _____
kira-kira tiga setengah tahun digelar sebagai _____
Zaman Gelap Tanah Melayu. Tiada kesalahan.

Ulasan

Jawapan PT3 2019

Sistem Bahasa Bahagian A – Soalan 11 Jawapan yang tepat ialah B: III dan IV sahaja. Dalam ayat I terdapat kesalahan frasa adjektif, iaitu **paling sunyi sepi sekali**. Jawapan yang betul ialah **paling sunyi sepi/ sunyi sepi sekali**. Ayat II pula salah dari segi penggunaan kata nafi, iaitu **tidak** perlu digugurkan.

Soalan 4

Bahagian yang bergaris dalam ayat berikut mungkin mengandungi kesalahan penggunaan bahasa atau mungkin juga tidak.

Tandakan sama ada A, B atau C jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan D jika tiada kesalahan.

- 4 Tujuan utama penaklukan Tanah Melayu oleh negara penjajah Eropah adalah disebabkan oleh faktor ekonomi.
A adalah sebab faktor ekonomi
B adalah kerana faktor ekonomi
C disebabkan oleh faktor ekonomi
D adalah disebabkan oleh faktor ekonomi

Soalan 5

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 5 I Mereka mempersembahkan tarian inang kepada para-para penonton di dewan.
II Dia memperoleh johan di dalam pertandingan congkak yang dianjurkan oleh sekolahnya.
III Semakin banyak latihan dibuat, semakin baik persembahan tarian mereka.
IV "Sekiranya segala-galanya berjalan lancar, usaha kita untuk mempopularkan permainan tradisional itu pasti berjaya," kata ketua kampung.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja

Soalan 6

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 6 Peribahasa yang sesuai bagi menggambarkan situasi ketika pengantin bersanding ialah
A bagai pinang dibelah dua.
B bagai bulan dipagar bintang.
C bagai sirih pulang ke gagang.
D bagai pinang pulang ke tampuk.